



KENYATAAN MEDIA

**MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR
YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU
JAAFAR**

JENAYAH HIDUPAN LIAR ATAS TALIAN

5 JULAI 2016

1. Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara Semenanjung Malaysia (PERHILITAN) telah menjalankan beberapa operasi khas yang melibatkan jenayah penjualan hidupan liar atas talian ini menerusi Op Taring I, II dan III sejak tahun 2014.
2. Seramai 59 individu yang terlibat dalam urusan menawarkan dan menjual hidupan liar secara haram di atas talian telah diberkas melalui 48 operasi yang telah dijalankan di seluruh Semenanjung Malaysia. Daripada 59 orang yang diberkas, 26 telah dikenakan hukuman dan yang selebihnya sedang dalam proses pendakwaan mahkamah.
3. Saya dan Jabatan PERHILITAN sedia maklum dan memandang serius perkembangan yang berlaku pada masa sekarang berkaitan penjualan hidupan liar secara haram menggunakan platform media sosial dan laman web. Menyedari cabaran dalam menghadapi situasi ini, Jabatan

PERHILITAN telah bekerjasama dengan pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) dan juga telah mengadakan perbincangan dengan pihak pengendali laman web komersil untuk mengambil tindakan terhadap mana-mana iklan yang menawarkan hidupan liar tidak sah untuk dijual.

4. Menjadi trend pada masa sekarang untuk individu memelihara hidupan liar sebagai hobi dan menjadi kebanggaan seseorang individu untuk memiliki hidupan liar sebagai bahan trofi. Di antara hidupan liar yang sering disimpan sebagai haiwan peliharaan ialah musang, ular ball python, labah-labah, kala jengking dan sebagainya. Pada kebiasaannya, individu yang berminat untuk memelihara hidupan liar akan mendapatkannya di kedai-kedai haiwan peliharaan (pet shop).
5. Namun demikian, seiring dengan arus kemajuan perniagaan global, hidupan liar ini turut diperolehi daripada pembelian online yang disokong oleh disebabkan tahap capaian internet yang meluas dan pantas oleh individu yang tidak bertanggungjawab. Individu yang tidak bertanggungjawab ini memasarkan dan menjual hidupan liar seperti kongkang, ungka, beruang, burung helang dan burung hantu secara haram kepada masyarakat umum.
6. Melihat situasi penjualan hidupan liar atas talian ini semakin berkembang, Jabatan PERHILITAN telah mengambil tindakan proaktif dengan menubuhkan Unit Jenayah Siber (Cybercrime) pada tahun 2013 yang bertanggungjawab memantau laman media sosial yang mengiklan dan menawar hidupan liar untuk dijual. Maklumat ini seterusnya disalurkan kepada Wildlife Crime Unit (WCU) untuk tindakan penguatkuasaan.
7. Jabatan PERHILITAN juga giat memantau *page* atau *group* yang menjual dan menawarkan hidupan liar ini. Terdapat lebih

daripada 50 *page/group* Facebook yang dipantau oleh Jabatan PERHILITAN yang melibatkan lebih kurang 30 iklan baharu tawaran hidupan liar dimuat naik di setiap *page* tersebut setiap hari. Sebanyak 100 akaun Facebook telah dikenalpasti menawarkan hidupan liar untuk dijual kepada ahli daripada group berkenaan. (*Sila rujuk Lampiran 2 untuk senarai group*).

8. Hasil pemantauan berterusan ini juga, Jabatan PERHILITAN mendapati lebih kurang 50% hidupan liar yang ditawarkan merupakan daripada sumber liar. Antara hidupan liar yang sering ditawarkan ialah Kucing Batu, Kongkang, ungka, burung hantu, burung helang, ular, anak lotong dan pelbagai spesis hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya di sisi undang-undang.
9. Dalam aspek ini, Jabatan turut menjalinkan kerjasama dengan pihak NGO seperti *Wildlife Trade Monitoring Network* (TRAFFIC), *Malaysian Conservation Alliance for Tigers* (MYCAT) iaitu perikatan antara Persatuan Pencinta Alam Malaysia, TRAFFIC, *Wildlife Conservation Society-Malaysia Programme* dan WWF-Malaysia. Jabatan akan terus bekerjasama dengan pelbagai agensi dalam menangani situasi ini termasuklah mengadakan perbincangan dengan pihak pengendali media sosial yang dikenalpasti. Di antara tindakan pencegahan dan drastik yang akan diambil oleh jabatan ini ialah menutup *page* atau *group* tersebut dengan membuat aduan kepada pengendali laman web dan media sosial tersebut.
10. Saya dan Jabatan prihatin terhadap situasi yang dihadapi oleh orang awam yang tertipu dengan urusan penjualan hidupan liar atas talian dimana hidupan liar yang dijual tidak dikeluarkan lesen, hidupan liar sakit atau berpenyakit dan hidupan liar yang dibeli tidak sampai ke tangan pembeli. Jabatan PERHILITAN hanya mengeluarkan lesen menyimpan

kepada pemohon yang hadir ke Pejabat PERHILITAN dan tiada urusan perlesenan dibuat melalui pihak ketiga atau media sosial. Didapati ramai pembeli yang terpedaya dengan penjual haram yang tidak bertanggungjawab menjual hidupan liar bersama lesen atau memberi maklumat palsu tentang keperluan lesen menyimpan spesies tersebut. Jabatan juga menasihati orang awam agar menyemak dahulu spesies yang hendak dibeli kerana hanya spesies hidupan liar yang dilindungi daripada Jadual Pertama Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716] sahaja yang dibenarkan untuk dipelihara dengan lesen. Orang awam boleh membuat semakan menerusi laman web Jabatan PERHILITAN di <http://www.wildlife.gov.my/carian/>. Untuk mengelakkan daripada dikenakan tindakan undang-undang atau dihadapkan di mahkamah, orang ramai yang telah membeli hidupan liar yang dilindungi tanpa dokumen yang sah diminta rujuk kepada pejabat PERHILITAN terdekat untuk membuat penyerahan haiwan tersebut.

11. Saya ingin menegaskan di sini bahawa Jabatan PERHILITAN tidak akan berdiam diri dan akan terus memburu individu-individu yang tidak bertanggungjawab menawarkan dan menjual hidupan liar ini secara haram yang didapati mengambil kesempatan ke atas rakyat yang tidak mempunyai pengetahuan terhadap keperluan untuk mengambil lesen hidupan liar yang hendak dipelihara. Pihak Jabatan juga akan mengambil tindakan undang-undang melalui Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716] dengan menggantung atau membatalkan lesen perniagaan atau lesen menyimpan hidupan liar terhadap mana-mana individu atau syarikat yang terlibat dalam penjualan hidupan liar atas talian ini secara haram.
12. Justeru, saya amat berharap agar orang ramai berwaspada dan elakkan daripada membeli atau menjual hidupan liar yang dilindungi undang-undang melalui laman web/media sosial. Masyarakat perlu mengetahui peranan hidupan liar dalam

menjaga keseimbangan alam semula jadi serta keperluan untuk mematuhi perundangan yang berkuatkuasa mengenai hidupan liar supaya tidak menjejaskan populasi hidupan liar di habitat asal dan mengelakkan kepupusan.

13. Orang ramai boleh membantu menyalurkan maklumat kepada PERHILITAN jika terdapat mana-mana pihak yang menawarkan dan mengiklankan hidupan liar samada melalui laman web, laman blog, Twitter, Facebook, aplikasi WhatsApp dan sebagainya dengan menyalurkan maklumat berkenaan melalui Hotline PERHILITAN di talian 1-800-88-5151 (waktu pejabat) atau PERHILITAN Careline 1-300-80-1010 (Isnin – Ahad, 8.00 pagi – 12.00 tengah malam) ataupun Hotline Hidupan Liar MYCAT 019 356 4194 / report@malayantiger.net yang berfungsi 24 jam. PERHILITAN turut menyediakan ganjaran kepada pemberi maklumat sehingga tertangkapnya dalang-dalang yang menjual hidupan liar ini.

Lampiran 1

**SPEKIES HIDUPAN LIAR DILINDUNGI DI BAWAH UNDANG-UNDANG
YANG DITAWARKAN DI ATAS TALIAN**

	Spesies
1	Cenderawasih/Bird of Paradise
2	Murai Batu/White-Rumped shama
3	Serindit/Blue Crown Hanging Parrot
4	Bayan Nuri/ Long-tailed Parakeet
5	Bayan Puling/ Blue-rumped Parrot
6	Sepah/ Flowerpecker
7	Kelicap Mayang Kelapa/ Brown-throated Sunbird
8	Merbah Perut Kuning/ Yellow-bellied Bulbul
9	Merbah Jambul Hitam/ Black-crested Bulbul
10	Merbah luris leher/ Stripe-throated Bulbul
11	Merbah Siam/ Black headed bulbul
12	Perenjak/ Tailorbird
13	Kelicap kunyit/ Oriental White-Eye
14	Burung Daun Besar/ Greater Green Leafbird
15	Daun Kecil/ Lesser Green Leafbird
16	Daun sayap biru/ Blue-winged Leafbird
17	Dendang Gajah/ Asian Fairy-bluebird
18	Burung rimba/ Laughingthrush
19	Barau-barau/ Straw-headed Bulbul
20	Siul Berjambul/Crested Wood Partridge
21	Punai Daun/ Little Green Pigeon
22	Mas Belukar/ Scarlet Minivet
23	Burung Cakar Coklat
24	Ruak-ruak/ White-breasted Waterhen
25	Burung Sintar/ Slaty-breast Rail
26	Moluccan Cockatoo
27	Burung Enggang

28	Burung Hantu/owl
29	Jampuk Kubur/ Barn Owl
30	Ayam Hutan/Junglefowl
31	Burung Lang Sika/ Crested Goshawk
32	Burung Lang Sewah / Sparrowhawk
33	Burung Helang/Crest Hawk Eagle
34	Keluang / Malayan Flying Fox
35	Buaya tembaga / Estuarine Crocodile
36	Ular Pokok Emas
37	Ular Senduk Asia
38	Ular Rusuk kerbau
39	Ular Kucing Taring
40	Ular bakau
41	Ular sawa batik/ Reticulated Python
42	Ball Python
43	Labi-labi/Softshell Turtle
44	Kubung/Malayan Flying Lemur
45	Beruk/Pig tail Macaque
46	Orang Utan
47	Lotong/ Leaf Monkey
48	Musang/Asian Palm Civet
49	Landak/Malayan Porcupine
50	Mengkira / Yellow-throated Marten
51	Kongkang/Slow loris
52	Kucing Batu/Asian Leopard Cat
53	Pelanduk/Mouse deer
54	Harimau kumbang/ Leopard
55	Beruang Matahari/Malayan Sun Bear
56	Gajah Asia/ Afrika (Gading)

Lampiran 2

Page atau Group Facebook yang didapati menawarkan dan mengiklankan hidupan liar

BIL.	Nama Page
1.	Jual Beli Binatang (Satwa)
2.	Jual Beli Binatang (Satwa) @ Pasar Unggas Malaysia
3.	ExoticAnimal
4.	Dusky Leaf Monkey Club
5.	Peminat Unggas Malaysia
6.	Reptiles Community Hatyai
7.	Tortoises Group Of Malaysia
8.	Jual Beli Haiwan Liar Di SINI
9.	Pasar Exotic Pet
10.	Jual Beli haiwan Online(admin fadzil dil)
11.	Pasar Burung Malaysia (Original)
12.	Exotic & Reptiles For Sale In Malaysia
13.	Kelab Peminat Burung
14.	Kedai Haiwan Peliharaan (On Line PetShop) !!!!
15.	Murai Ohh Murai
16.	Malaysian Reptile Classifieds
17.	Tortoise & Exotic Group of Malaysia v2
18.	Malaysia Tortoises & Turtle Group
19.	Kedai burung malaysia
20.	MUSANG LOVER MALAYSIA
21.	Pets Lover Kedah
22.	另类宠物交流&买卖区(Exotic Pet exchange & Trading Zone)
23.	AYAM HUTAN (JUNGLE FOWL)
24.	Kenali Burung-burung Tempatan
25.	ôñlîñê pêtšhöp
26.	Geng Pemikat Burung Ruak-Ruak dan Ayam Hutan
27.	Geng2 memikat ayam hutan
28.	Kaki Pikat.Com
29.	Ayam Hutan - Jual Beli

30.	Geng mikat ayam hutan
31.	PASAR AYAM HUTAN MALAYSIA (PAHM)
32.	Pusat jualan haiwan & hobi
33.	club mikat burung ruak-ruak
34.	LOCAL PARROT MALAYSIA
35.	KELAB PEMINAT BURUNG TAIPING
36.	Kedai Binatang Peliharaan(ORIGINAL)
37.	Local Snake Malaysia
38.	Kelantan Exotic Community
39.	Burung Mata Putih (MP) Group - Malaysia
40.	Reptile and Bug herpers Malaysia
41.	BTP (burung tanau puling)
42.	MARKET HAIWAN MALAYSIA
43.	Murai Batu dan Murai Kampung Malaysia v2
44.	Pasar Haiwan Malaysia
45.	A Pets & exotic malaysia group
46.	Lesen burung - Jual dan Beli - 1 Malaysia
47.	Malaysian Exotic pets Crew
48.	Kelab burung Malaysia
49.	365 Online Pets Shop Malaysia
50.	Malaysia ExoticZ Hobbies
51.	Malaysian Exotic Pet Society
52.	JUAL BURUNG ON9
53.	MURAI BATU MALAYSIA
54.	Max Reptiles爬爬鸚鵡与哺乳动物买卖分享区
55.	Pets And Reptile Classified Malaysia
56.	Terengganu Reptiles Club (TRC)

Lampiran 3

CONTOH IKLAN PENJUALAN HIDUPAN LIAR DILINDUNGI DI FACEBOOK



Lampiran 4

HUKUMAN YANG DIKENAKAN TERHADAP INDIVIDU YANG DITANGKAP DALAM OPERASI BERKAITAN PENJUALAN HIDUPAN LIAR ATAS TALIAN

BIL.	SPESES HIDUPAN LIAR	BIL. ORANG DITANGKAP	HUKUMAN MAHKAMAH
1.	Orang Utan	4	OKT1: Dipenjara selama tiga tahun (36 Bulan) OKT2: Dipenjara selama tiga tahun (36 Bulan) OKT3: Dipenjara selama tiga tahun (36 Bulan) OKT4: Tidak Mengaku Bersalah & perbicaraan masih berjalan di mahkamah
2.	Beruang Matahari	1	<ul style="list-style-type: none">• Didenda RM 25,000.00• kenderaan dilucuthak
3.	Labi-labi biasa	1	<ul style="list-style-type: none">• Denda RM 10,000.00
4.	Burung Merbah luris leher Burung Merbah Burung Bayan Nuri	1	<ul style="list-style-type: none">• Didenda RM 9,000.00
5.	Ular Senduk Ular Rusuk Kerbau Ular Bakau Ular Pokok Emas Long Nose Whip Snake Ular Sawa Burung	1	<ul style="list-style-type: none">• Didenda RM 7,000.00
6.	Burung Tiong Mas	1	<ul style="list-style-type: none">• Didenda RM 6,000.00
7.	Harimau kumbang	2	<ul style="list-style-type: none">• OKT1 dipenjara selama 14 bulan• OKT2 didenda RM 200,000.00 dan penjara 6 bulan.
8.	Ular sawa Ball python	1	<ul style="list-style-type: none">• Dipenjara selama 12 bulan
9.	Ayam Hutan	1	<ul style="list-style-type: none">• Denda RM 4,000.00
10.	Kucing Batu	1	<ul style="list-style-type: none">• Didenda RM 30,000.00.
11.	Pelanduk	2	<ul style="list-style-type: none">• Didenda RM 4,000.00.
12.	Musang Pulut	2	<ul style="list-style-type: none">• Didenda RM 10,000.00 atau penjara enam (6) bulan.



Kes#1

Nama Spesies :

Beruang Matahari (*Helarctos malayanus*)

Kesalahan :

Seksyen 69 [Akta 716]

Menyimpan satu ekor beruang matahari tidak matang tanpa permit khas

Hukuman yang dikenakan :

- Tertuduh dikenakan denda sebanyak RM25,000.00
- Kenderaan dilucuthak kepada Kerajaan.

Lokasi tangkapan :

Pahang



Kes#2

Nama Spesies :

Orang Utan Sumatera (*Pongo abelii*)

Kesalahan :

1. Seksyen 69 [Akta 716]
Menyimpan hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya yang tidak matang tanpa permit khas
2. Seksyen 71 [Akta 716]
Mengimport hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya tanpa permit khas
3. Seksyen 86
Kezaliman terhadap hidupan liar

Hukuman yang yang dikenakan terhadap tertuduh :

- 3 orang tertuduh mengaku salah dan dikenakan hukuman penjara selama 3 tahun
- 1 orang tertuduh tidak mengaku bersalah dan perbicaraan masih berjalan.

Lokasi Tangkapan :

Selangor



Kes#3

Nama Spesies :

Kucing Batu (*Prionailurus bengalensis*)

Kesalahan :

Seksyen 69 [Akta 716]

Menyimpan hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya yang tidak matang tanpa permit khas

Hukuman yang dikenakan terhadap tertuduh :

Didenda RM30,000.00

Lokasi tangkapan:

Selangor



Kes#4

Nama Spesies :
Pelanduk (*Tragulus javanicus*)

Kesalahan :
Seksyen 60 [Akta 716]
Menyimpan hidupan liar yang dilindungi tanpa lesen

Hukuman yang dikenakan terhadap tertuduh :
Didenda RM 4,000.00

Lokasi tangkapan :
Selangor



Kes#5

Nama Spesies :

Harimau kumbang (*Panthera pardus*)

Kesalahan :

Seksyen 68 (c) [Akta 716]

Menyimpan hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya tanpa permit khas

Hukuman yang dikenakan terhadap tertuduh :

- Tertuduh pertama dipenjarakan selama 14 bulan
- Tertuduh kedua didenda RM 200,000.00 dan penjarakan 6 bulan.

Lokasi tangkapan:

Pahang



Kes#6

Nama Spesies :

Labi-labi biasa (*Amyda cartilaginea*)

Kesalahan :

Seksyen 60 [Akta 716]

Menyimpan hidupan liar yang dilindungi tanpa lesen

Hukuman yang dikenakan terhadap tertuduh :

- Tertuduh didenda RM 10,000.00

Lokasi tangkapan:

Melaka



Kes#7

Nama Spesies :

Musang Pulut (*Paradoxurus hermaphroditus*)

Kesalahan :

Seksyen 60 [Akta 716]

Menyimpan hidupan liar yang dilindungi tanpa lesen

Hukuman yang dikenakan terhadap tertuduh :

- Tertuduh didenda RM 10,000.00 atau penjara enam (6) bulan.

Lokasi tangkapan :

Terengganu